

PERANAN MEDIA SOSIAL DAN KEPENTINGAN PENDIGITALAN HADIS PADA MASA KINI TERHADAP UMMAH

Muhamad Khairul Hizam Mazzuki¹
Ahmad Hafizuddin Mat Nawi²
Muhammad Zaid Abdul Karim³
Maisarah Saidin⁴

¹Faculty of Quranic and Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: hizamk75@gmail.com)

²Faculty of Quranic and Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(Email: hafizuddimatnawi99@gmail.com)

³Faculty of Quranic and Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: muhdzaidkarim001@gmail.com)

⁴Faculty of Quranic and Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: maisarah@usim.edu.my)

Abstrak

Hadis menjadi sumber penting dalam Islam berdasarkan peranan dan pengaruh besar selepas al-Quran sejak zaman Rasulullah SAW. Pada era globalisasi kini, peningkatan tahap pengetahuan dan kefahaman dalam mengamalkan hadis Nabi SAW dalam kehidupan seharian boleh dicapai secara digital melalui aplikasi gajet yang jauh lebih moden tanpa sempadan. Walaupun begitu, dalam pendigitalan hadis ini terdapat juga isu dan cabaran kepada masyarakat terutamanya Islam dalam mendapatkan rujukan dan bahan bacaan berkaitan hadis Nabi SAW dengan mudah. Oleh itu, penulisan ini bertujuan untuk menghuraikan kepentingan pendigitalan hadis pada masa kini terhadap ummah yang menjadi satu keperluan agar masyarakat dapat menggunakan teknologi dengan betul. Selain itu, dapat membendung penyebaran hadis-hadis palsu melalui media social. Metodologi kajian telah menggunakan sepenuhnya sumber rujukan seperti kitab-kitab hadis, artikel jurnal, buku dan sebagainya. Usaha ini bertujuan bagi mencapai ketelusan dalam menghasilkan kertas kerja ini. Maka, pendigitalan hadis ini dapat dilihat sebagai satu kepentingan dalam usaha membantu masyarakat dengan mendigitalkan hadis kepada paparan hadis dalam bentuk visual elektronik, perisian komputer, telefon bimbit dan sebagainya. Seterusnya, dapat memberi manfaat yang besar kepada masyarakat Islam khususnya dalam mentransformasi ilmu yang mulia ini dengan teknologi moden. Akhir sekali, diharap kertas kerja ini mampu membantu umat manusia Muslim khususnya supaya dapat bersama menjaga dan memelihara hadis itu sebagai rujukan serta semoga perkembangan ilmu hadis ini secara langsung dapat memperkasa dan memelihara keautoritian hadis di era ICT.

Kata Kunci: hadis, digital, aplikasi, teknologi, perisian computer.

PENDAHULUAN

Hadis merupakan segala pernyataan, pengalaman, taqirir (pengakuan) dan hal ehwal berkaitan Nabi Muhammad SAW yang dirujuk sebagai sumber kedua ajaran Islam selepas al-Quran (Ismail, 1991). Secara dasarnya, ICT dipelopori oleh Barat yang hanya menggunakannya sebagai alat untuk mendapatkan maklumat (Haag et al., 2002), manakala Islam memberi penekanan bahawa ICT perlu berteraskan ketauhidan kepada Allah SWT supaya matlamat pencarian ilmu dan maklumat bertepatan dengan keperluan duniawi dan ukhrawi berlandaskan syariat Islam sebenar (Basri, 2006). Pendigitalan hadis merupakan satu usaha baharu yang mampu meningkatkan akses dan capaian hadis-hadis Rasulullah SAW melalui medium Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) moden masa kini.

Selain itu, maklumat yang hendak dicari dan disampaikan mestilah yang hak dan benar serta diperhalusi seterusnya disampaikan secara hikmah agar tidak menjadi fitnah. Oleh yang demikian, penggunaan ICT secara berhemah mampu mendatangkan kesan positif kepada pengguna tetapi penyelewengannya mendatangkan kesan negatif kepada masyarakat.

Usaha pendigitalan hadis tidak terlepas dari isu dan cabaran dalam masyarakat Muslim hari ini berikutan hadis-hadis Rasulullah SAW perlu dijaga keaslian dan ketulenannya agar tidak diseleweng dan dimanipulasi oleh musuh-musuh Islam. Terdapat lima isu utama dan cabaran yang dihadapi dalam usaha pendigitalan hadis ini iaitu Penyebaran hadis palsu (maudu'), Penyebaran khabar Isra'iliyat dalam mentafsirkan hadis, Golongan anti hadis yang mengelirukan umat Islam, Serangan jenayah siber terhadap matan hadis dan Kelemahan pemindahan data hadis teks asal ke bentuk digital.

Isu penyebaran hadis palsu merupakan suatu fenomena yang membimbangkan khususnya di Malaysia yang sangat mudah didapati dari pelbagai sumber seperti media cetak mahupun elektronik (dakir & Shah, 2008). Kefahaman hadis palsu atau maudu' secara etimologi merupakan isim maf'ul yang berasal daripada perkataan akar wada'a yang membawa pelbagai maksud seperti letak, gugur, jatuh, rendah, reka, cipta dan biar (Ibn Manzur, t.t.), manakala dari sudut terminologi pula merujuk himpunan kata-kata rekaan dan dinisbahkan kepada Nabi Muhammad SAW secara dusta (Sha'ban, 2008; deraman, 2009). Ariffin dan Ahmad (2016) menyatakan hadis maudu' terbahagi kepada dua ketegori iaitu (i) Memalsu atau mereka sesuatu, kemudian memperakukan sebagai sabda atau ucapan Nabi Muhammad SAW (Zarif, 2011).

Usaha pendigitalan hadis merupakan salah satu usaha mengintegrasikan ilmu Islam dengan Sains dan Teknologi (S&T) moden masa kini yang mampu menjadikan ajaran Islam sebagai dasar kehidupan dan mengamalkannya sebagai suatu ibadah berlandaskan syariat Islam sebenar (rusdiana, 2015). ICT merupakan hub penyebaran maklumat semasa yang semakin berkembang pesat saban hari melalui teknologi internet, maka capaian maklumat cepat dan pantas khususnya di media sosial yang mempunyai fungsi, peranan dan ciri-ciri tertentu (Abidin et al., 2014). Oleh itu, medium-medium ICT ini perlu dimanfaatkan bukan sahaja untuk pencarian ilmu pengetahuan malahan penyebaran dakwah Islam kepada semua umat manusia.

KAJIAN LITERATUR

Fauzi Deraman et. al (2011) telah menerbitkan sebuah buku bertajuk *Sunnah Nabi Realiti Dan Cabaran*. Buku ini membincangkan beberapa isu kontemporari dalam bidang hadith yang merangkumi kajian hadis tematik, metode ulama hadis dalam karya-karya hadis, terjemahan sunnah, ict dalam pengajian hadis, hadis dan sains, sumbangan institusi formal dan tidak formal dalam pengajian hadis dan pengaruh pemikiran asing dalam pengajian hadith. Kajian ini fokus untuk menunjukkan bahawa kandungan ucapan dan sabdaan nabi telah berjaya dibuktikan melalui kajian saintifik pada masa kini. Kajian di dalam buku ini telah menggunakan kaedah kualitatif melalui sumber primer seperti rujukan dari artikel lepas, kitab-kitah hadis dan sebagainya. Oleh itu, dengan adanya penulisan ini dapat mencelikkan umat Islam akan kepentingan hadis dan sunnah Nabi dalam kehidupan seharian.

Artikel mengenai *Digitalisasi Hadith Di Malaysia Analisis Terhadap Keperluan Kriteria Pembangunan Website Dan Software Hadith* telah dikemukakan Khadher Ahmad (2019). Artikel tersebut bertujuan untuk menjelaskan keperluan dalam penetapan kriteria utama pembangunan laman sesawang dan software hadith. Melalui metode analisis induktif dan deduktif, hasil kajian mendapati terdapat sepuluh kriteria penting yang perlu ada dalam pembangunan website hadith iaitu Kandungan teks hadith yang berbaris lengkap.

Terjemahan hadith yang telah disemak Maklumat sumber dan takhrij hadith Kefahaman Hadith Secara Ringkas Organisasi atau Panel yang bertanggungjawab dan mempunyai kelayakan Interface Yang Mesra Pengguna Lampiran Bentuk Shajarah Al-Asānid (Pemetaan Sanad Hadith) Meletakkan Tema Kumpulan Hadith Pembahagian Hadith Berdasarkan Judul Kitab (Bagi Karya Jawi) Penyediaan Hadith-Hadith Alternatif Bagi Hadith Yang Palsu. Kesimpulan, pentingnya kriteria dalam pembangunan laman sesawang dan perisian hadith ini tidak lain melainkan bagi

tujuan untuk menjaga dan memelihara autoriti hadith itu sebagai sumber rujukan serta dapat dijadikan sumber rujukan terus kepada masyarakat pada hari ini.

Mohd Noor et. al (2018) dalam artikel bertajuk *Pendigitalan Hadis Dalam Kerangka Revolusi Industri 4.0* membincangkan tentang isu dan cabaran pendigitalan hadis pada masa kini serta kaitannya dengan Revolusi Industri 4.0 yang menjadi trend semasa negara menuju sasaran menjadi sebuah negara teratas di tangga dunia dalam ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi. Oleh itu, kaedah analisis kandungan digunakan sepenuhnya terhadap sumber primer (kitab-kitab hadis) dan sekunder (artikel jurnal, buku dan sebagainya) bagi mencapai tujuan yang disasarkan dalam kertas kerja konseptual ini. Maka, usaha pendigitalan hadis ini dilihat sebagai medium transformasi pendidikan teras Islam yang mengintegrasikan ilmu wahyu dengan teknologi moden yang memberi manfaat besar kepada umat manusia khususnya Muslim sejagat selari dengan agenda globalisasi dunia hari ini.

Syed Najihuddin Syed Hassan et. al pada 2014 telah menulis kajian yang bertajuk *Kajian Penerimaan Pensyarah Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Hadith Berbantuan Laman Web Al-Durar Al-Saniyyah*. Penulisan ini membincangkan secara ringkas latar belakang laman web berkenaan, menilai keberkesanan penggunaannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran, mengkaji sejauh mana laman web ini mudah digunakan dan mengenal pasti beberapa kelebihan serta kekurangannya. Kajian ini juga turut mendalami persepsi mereka terhadap isu-isu takhrij Hadith seperti penggunaan laman web tersebut dalam mentakhrijkan hadith, dan kesesuaian laman web itu bagi kajian hadith. Penelitian ini menggunakan kaedah kajian lapangan kualitatif yang bertumpu pada hasil penelitian temuduga semi struktur dari sekelompok pensyarah dari Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Hasil penelitian menunjukkan bahwa laman web mudah digunakan dan efektif untuk proses pentakhrijan Hadith, ia juga membantu dalam memudahkan pengajaran dan pembelajaran.

Hidayaturrahman et. al (2020) telah membincangkan dalam kajian “*The Role of Technology and Social Media in Spreading the Qur'an and Hadiths by Mubalig*”. Fokus kajian ini ingin mendapatkan jawapan kepada persoalan apa peranan teknologi dan media sosial dalam menyebarkan al-quran dan hadis. Pendekatan kaedah kuantitatif digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan data daripada para daie dan ustaz. Hasil kajian cukup memberikan dapatan bahawa teknologi telah dapat memberikan kemudahan dalam penyebaran ilmu dengan cara yang lebih mudah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bercorak kajian kualitatif. Kaedah pengumpulan data telah dilakukan berasaskan sumber perpustakaan yang mengandungi data primer dan sekunder. Seterusnya kajian menerapkan kaedah penganalisan data berpandukan dua kaedah utama iaitu kaedah induktif dan deskriptif. Kaedah induktif diaplikasikan untuk mendapatkan fakta-fakta yang bersesuaian dengan peranan media sosial terhadap pendigitalan hadis. Kaedah deskriptif pula diaplikasikan bagi menghuraikan data-data dan selanjutnya dianalisis bagi mendapatkan perspektif hikmah terhadap pendigital hadis di masa kini.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

PERANAN MEDIA SOSIAL TERHADAP PENDIGITALAN HADITH

Dunia digital hari ini tidak dinafikan berkembang dengan pantas. Pelbagai teknologi digital diperkenalkan untuk pelbagai matlamat dan objektif, meliputi pelbagai keperluan hidup. Tidak dapat disangkal bahawa media digital telah meningkatkan kualiti hidup orang ramai. Mereka terlibat secara sosial dan profesional. Dalam era kini, media baharu dilihat lebih dominan berbanding dengan media tradisional atau media lama seperti media cetak, media elektronik, media siaran, dan media interpersonal yang lain. Dengan sebab itu juga, bentuk masyarakat pada era ini juga turut berlakunya perubahan.

Era Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) iaitu kemahiran memanfaatkan dan menggunakan Internet untuk tujuan mencari, memindah, menyimpan dan memadankan maklumat berasaskan kepada penggunaan komputer elektronik dan perisian (software) telah menjadi satu keperluan. Perkara ini termasuk dalam perkara berkaitan dengan agama khususnya yang berkaitan dengan carian nas al-Quran dan hadith itu sendiri. Dalam erti kata, hadith dan ayat al-Quran bukan lagi dirujuk semata-mata kepada bahan bercetak, tetapi cariannya telahpun dirujuk melalui carian internet berasaskan kepada perisian, laman sesawang, blog peribadi dan sebagainya.

Dalam meniti arus kemodenan ini, penggunaan media sosial adalah dominan dalam kalangan masyarakat di seluruh pelosok dunia. Hal ini demikian kerana, media sosial merupakan satu platform secara atas talian yang membolehkan pengguna berkongsi, menyertai, dan mencipta isi melalui rangkaian sosial, wiki blog, dan dunia virtual. Media sosial seperti Instagram, Facebook, Twitter, blog dan wiki dikenali sebagai platform yang digunakan oleh manusia secara global. Media sosial didefinisikan sebagai sebuah aplikasi yang berasaskan internet. Media sosial dilihat semakin menular dalam perkembangannya yang membolehkan pengguna mengakses aplikasi atau web dan juga berinteraksi dengan sahabat untuk berkongsi dan bertukar maklumat menerusi media sosial (Kaplan, Haenlein, 2010).

Media sosial memainkan peranan dan tanggungjawab serta amanah yang sangat besar dalam menyebarkan maklumat yang tepat, benar, dan berfaedah kepada masyarakat di sekeliling. Tambahan pula, maklumat yang disebarkan melalui media sosial hendaklah mengambil kira kepentingan tanggungjawab untuk mendidik dan membawa masyarakat ke arah kebaikan dan menjauhi kemungkaran. Media sosial memainkan peranan yang penting terutama dalam proses komunikasi Islam sebagai medium menyampaikan idea, mesej, dan maklumat. Pemindahan maklumat boleh dilakukan dengan mudah selain dapat memberi pendedahan yang bagus kepada masyarakat tentang isu semasa.

Berdasarkan kepada perbincangan yang telah dikemukakan, kriteria dalam pembangunan website hadith dan software hadith sewajarnya diberikan perhatian yang serius bagi semua organisasi atau individu yang mahu membangunkan sesuatu laman sesawang atau perisian yang berkaitan dengan hadith. Tambahan lagi, jika laman sesawang atau perisian tersebut memfokuskan hadith sebagai subjek utama yang dipaparkan. Manakala bagi laman sesawang atau perisian yang hanya mengandungi dalil daripada hadith sebahagian sebahagian kecil sahaja, apa yang lebih diutamakan adalah aspek ketepatan teks Arab, terjemahan dan mengandungi sumber atau maklumat hadith yang lengkap supaya jelas diketahui status hadith-hadith tersebut. Pentingnya media sosial sebagai saluran maklumat yang canggih terbukti dengan munculnya 'teknologi maklumat'. Media sosial digunakan dengan meluas dan pesat bagai cendawan tumbuh selepas hujan dek kerana kebolehnya dalam memberikan maklumat dengan pantas dan padat walaupun tidak pasti ketepatannya. Maklumat diperoleh daripada pelbagai cabang media sosial seperti Twitter, Instagram, dan Facebook. Dalam hal ini, pengguna hanya perlu menaip sahaja maklumat yang ingin diperolehi melalui carian di media sosial. Pelbagai fungsi ditawarkan oleh internet kepada pengguna di seluruh dunia. Pelbagai maklumat dan ilmu dapat disebarkan kepada masyarakat sekeliling sama ada dalam atau dalam luar negara.

KEPENTINGAN PENDIGITALAN HADIS

Pendigitalan Hadis sangat penting untuk umat pada masa sekarang dengan tujuan supaya dapat dimanfaatkan dan dijadikan rujukan seluruh umat manusia seiring dengan peredaran zaman serta untuk menjadikan hidup kita lebih baik dengan cara Islam yang unik. Terdapat banyak kepentingan yang dapat diperoleh daripada pendigitalan hadis antaranya ialah:

Mengurangkan Kos Dan Masa Mengakses Kitab-Kitab Hadith

Meskipun ramai yang ingin memiliki kitab Hadith secara fizikal namun setiap orang mempunyai pelbagai latar belakang kehidupan menyebabkan tidak semua dapat memiliki kitab Hadith secara bercetak. Ini kerana, harga untuk satu set buku hadis lengkap, ialah berharga ribuan Ringgit. Jika semua hadis didigitalkan, kos untuk mengakses kitab hadith dapat dikurangkan dan membantu menjimatkan kos.

Telah dipersetujui bahawa semua perisian atau laman web hadith membolehkan pengguna mencari senarai hadith yang boleh mereka simpan atau muat turun untuk rujukan. Selain itu, terdapat laman web bermanfaat yang menyenaraikan koleksi hadis beserta dengan terjemahan dalam pelbagai bahasa, kritikan hadis, kamus, tutorial audio dan video yang komprehensif yang semuanya boleh diakses dan dimuat turun dan ia adalah perkhidmatan percuma yang tidak ternilai yang disediakan untuk pengguna dalam talian (Shahril Nizam, 2012)

Dengan Perisian dan Laman sesawang Hadith ini, Masa yang diambil untuk mencari hadith hanya beberapa saat sahaja bergantung keadaan rangkaian, kos carian juga percuma dan tenaga yang digunakan juga adalah minimum. Pencarian hadith secara tradisional memerlukan masa yang lama dan dengan kejuruteraan perisian atau pendigitalan ini telah dapat dicepatkan secara berkali-kali ganda. Buku hadith juga jikalau dibeli atau dipinjam akan melibatkan kos yang amat besar. (Syed Najihuddin et.al, 2014)

Memudahkan Pencapaian Dan Pencarian Hadith

Pada era globalisasi, komputer dan internet merupakan teknologi yang digunakan di dalam sudut komunikasi pada masa kini. penggunaan internet dan komputer adalah di antara penggunaan yang sangat banyak di kalangan masyarakat malah hampir setiap rumah di Malaysia kini mempunyai sebuah komputer bagi memudahkan mereka berinteraksi dan memperoleh maklumat dengan cepat. Tambahan lagi, ilmu pengetahuan boleh diperoleh hanya dengan menggunakan komputer dan internet tanpa perlu keluar dari rumah atau pergi ke tempat yang jauh untuk mencari maklumat tersebut.

Ahli akademik boleh mengakses kitab-kitab hadith dengan mudah melalui bentuk digital seperti PDF supaya mereka boleh mengakses pelbagai rujukan daripada kitab-kitab hadith dengan mudah dan juga boleh memuat turun aplikasi yang disediakan oleh internet. Disebut oleh Istiana & Sri

Wahyuningsih (2019) bahawa rujukan berkaitan buku hadis boleh didapati secara meluas dalam format PDF dan digital.

Seterusnya, kitab-kitab asal hadis mempunyai bilangan jilid yang banyak, seperti bersaiz tebal dan berat. Ia tidak praktikal untuk dibawa kemana-mana. Jika himpunan hadis dimasukkan ke dalam bentuk cakera padat (CD-ROM), perisian atau aplikasi hadith pastinya boleh dibawa ke mana-mana. Tambahan pula, manfaat kandungan hadis adalah masih sama.

Terdapat pelbagai contoh teknologi moden dalam pendidikan sunnah iaitu laman web yang berpaksikan sunnah seperti laman sesawang <http://hadith.al-islam.com>, <http://www.dorar.net>, <http://www.sonnaonline.com> dan sebagainya lagi. Selain itu juga, terdapat perisian yang boleh dimuat turun terus ke dalam komputer mahupun telefon bimbit seperti perisian al-Maktabah al-Syamilah, perisian Jawami al-Kalim dan al-Dorar al-Saniyyah. Perisian dan laman web ini memungkinkan pelajar serta pengkaji untuk membuat rujukan dan kajian berkaitan dengan hadis Rasulullah dengan mudah (Syed Najihuddin et.al, 2016).

Dengan pendigitalan hadith ini juga dapat memudahkan lagi pencapaian dan pencarian Hadith dalam proses pembelajaran dan dilihat sangat penting, praktikal dan sesuai pada masa kini kerana kebanyakan sekolah pada masa kini telah dibekalkan dengan makmal komputer canggih sebagai salah satu alat bantu pembelajaran. Tambahan lagi, dengan kewujudan laman sesawang ini di alam siber, dan aksesan internet hampir di mana sahaja di dunia ini, telah menjadikan teknik ini amat berkesan dalam carian hadith. (Syed Najihuddin et.al, 2014).

Penyebaran Dakwah Islam Kepada Semua Umat Manusia.

Dari segi konteks Islam, penggunaan teknologi termasuk pendigitalan bukan sahaja menjadikan sastera Islam tersebar secara global, malah turut memainkan peranan penting dalam menyebarkan Islam ke seluruh dunia (Hosseini & Ramchahi, 2014).

Impak media dalam talian telah mendorong pendigitalan Hadis yang berkesan untuk kegunaan seluruh umat manusia. mengikut pusat pengajian hadith yang terletak di Jakarta, Indonesia mengatakan bahawa pendigitalan hadith diwujudkan dalam rangka menjaga kemurnian ajaran Islam khususnya hadith Nabi Muhammad dan mereka sebuah organisasi yang memainkan peranan utama sebagai media untuk mengkaji dan menyebarkan hadis Nabi Muhammad saw (Istiana & Sri Wahyuningsih, 2019)

Dapat Memahami Hadith Tanpa Pengetahuan Bahasa Arab

Dengan pendigitalan Hadith, ia dapat membantu masyarakat Islam di Malaysia yang rata-ratanya menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan seharian. Walaupun kebanyakan sistem hadith yang ada pada masa kini dibangunkan menggunakan bahasa Arab dan umat Islam di

Malaysia tidak dapat menggunakan sistem tersebut kerana tidak memahami bahasa Arab dengan baik.

Tetapi terdapat juga laman sesawang yang menyediakan akses kepada Bahasa Melayu dan Inggeris contohnya Web Site Of Mawqi' al-Islam (Shahril Nizam Zulkipli et.al, 2017) Tambahan lagi, kebanyakannya laman web bahasa Melayu agak umum kerana kandungannya terdiri daripada perbincangan hadith, koleksi hadith yang sama ada untuk dimuat turun atau dipaparkan dalam bentuk teks visual di internet atau audio ceramah hadith. Beberapa contoh ialah E-Hadith dan Mastika Hadith JAKIM, Projek My Masjid, Fikrah.net, al-Nidaa' dan Lidwa.com (Amran Abdul Halim, 2018)

Dapat Mengetahui Maklumat Sumber Dan Takhrij Hadith

Melalui pendigitalan Hadith, secara langsung pengkaji hadith, penceramah dan juga masyarakat dapat mengetahui maklumat sumber asal atau Takhrij serta status Hadith yang diterima atau didengar. Ini kerana, maklumat berkenaan dengan sumber dan takhrij ini amat penting bagi sesiapa yang terlibat secara khusus dalam pengajian hadith. Bahkan, diketahui umum bahawa hadith yang merupakan sumber perundangan Islam dan sumber dalam ibadah yang perlu dipastikan kesahihannya sebelum dapat dijalankan sebagai dalil dan hujjah. (Khadher Ahmad, 2019).

Syahril Nizam et.al (2012) menyatakan dalam kajiannya, banyak forum dalam talian yang membincangkan perkara berkaitan takhrij al-hadith dan juga kemudahan carian hadith. Dengan menyatakan sumber hadith, pengkaji hadith dapat melakukan proses takhrij terhadap hadith-hadith untuk mengetahui sumber hadith dan maklumat berkaitan dengan hadith yang dicari. Takhrij merupakan kaedah untuk mengetahui sumber asal hadith, daripada mana ia dipetik dan seterusnya membawa kepada darjat atau hukum hadith tersebut. Kaedah Takhrij melalui kaedah digital ini jauh lebih mudah dan cepat berbanding kaedah yang memerlukan kehadiran buku secara fizikal yang perlu mengikut metodologi penulis yang berbeza-beza.

Tambahannya juga, contohnya kaedah Takhrij melalui web al-Durar al-Saniyyah mampu menghasilkan carian yang banyak melalui perkataan yang dicari kerana setiap patah perkataan dalam hadith akan dirujuk, tidak hanya perkataan awal sahaja, malah setiap perkataan yang dijumpai akan diberi warna merah bagi memudahkan carian. Hasil carian merangkumi matan (teks) hadith, perawi sahabat, sumber hadith berserta hukum hadith iaitu sahih, hasan atau da'if, diberi secara ringkas (Syed Najihuddin et.al, 2014). Terdapat banyak lagi perisian dan aplikasi Hadith yang disertakan sekali dengan Takhrij Hadith.

Dengan ini, jelaslah pendigitalan Hadith dapat memudahkan lagi kehidupan masyarakat tidak kira latar belakang seorang ilmunan, pelajar atau orang awam dalam dalam segala perkara khususnya memahami secara mendalam dan jelas serta mengakses Hadith mengikut peredaran zaman.

KESIMPULAN

Pendigitalan hadis adalah usaha yang menjadi salah satu kepentingan dalam kehidupan umat Islam pada masa kini. Walaupun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat beberapa isu dan halangan yang perlu dihadapi dengan teliti agar setiap hadis yang telah melalui kaedah pendigitalan dicapai oleh manusia adalah hadis yang sahih dan autentik dari Nabi Muhammad SAW. Tambahan pula, terdapat para munafik yang mula berleluasa dalam kalangan umat Islam. Mereka telah terpesong dengan melakukan pendustaan terhadap Nabi Muhammad SAW. Golongan ini telah melakukan pengeliruan dan menokok tambah hadis untuk menyesatkan umat Islam.

Justeru itu, mereka yang bertanggungjawab dalam menjaga kesahihan hadis ini seperti Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM) dan seangkatan dengannya hendaklah bersatu dalam memastikan pendigitalan hadis ini dapat dijaga dan berpandukan dengan ajaran yang sebenar dan lurus. Semoga segala usaha yang telah dibuat ini menjadi satu tradisi dalam usaha kita bersama-sama untuk memelihara hadis dalam bentuk digital pada masa akan datang. Diharapkan juga, umat Islam pada masa kini celik ICT dalam bidang penguasaan hadis secara digital.

RUJUKAN

- Abidin, N. M. F. N. Z., Yusof, F. M., & Hehsan, N. (2014). Aplikasi Iphone: Antara Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Media Sosial dan Sebaran dakwah. *Sains Humanika*, 2(1): 41-53.
- Al-Qaradawi, Y. (1998). *As-Sunna maşḍaran li- 'l-ma 'rifa wa- 'l-ḥaḍāra*. dār aš-Şurūq.
- Amran Abdul Halim, Norazmi Anas, Shahril Nizam Zulkipli, Zuriani Yaacob, Mohd Syukri Mohd Noor, Zulkifli Mohd. Ghazali, Ahmad Sanusi Azmi, Syed Najihuddin Syed Hassan (2018). Popularity Of Digital Hadith Application (Dha) In Malaysia. *IJCET: International Journal of Civil Engineering and Technology*. 9(10) 1382-1390.
- Ariffin, M. f. M., & Ahmad, K. (2016). fabricated Hadis: Unraveling Contradiction between Society and Scholar towards Mutual Agreement. *Jurnal Intelek*, 11(1): 31-39.
- Basri, M. (2006). Isu-isu teknologi maklumat dan komunikasi menurut hadis. In Hussin, H., Soroni, M. K., Mohd Ramli, F. Z. & Wazir, R. (Eds.). *Kelangsungan pengajian hadis cabaran dan masa depan*, (pp. 269-280). Bangi: Jabatan Al-Quran & Al-Sunnah, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Dakir, J., Ibrahim, M., & Shah, f. A. (2008). Hadis Masyhur dalam Masyarakat Melayu: Takhrij dan Analisis. *Jurnal Usuluddin*, 29, 119-146.
- Haag, S., Cummings, M. & McCubbrey, d.J. (2002). *Management Information Systems For The Information Age* (3rd Ed.). Boston: McGraw.
- Hidayaturrahman, M., & Putra, D. A. (2020). The Role of Technology and Social Media in Spreading the Qur'an and Hadiths by Mubalig. *DINIKA: Academic Journal of Islamic Studies*, 4(1), 45-64.
- Hosseini, S. E., & Ramchahi, A. A. (2014). The Impact of Information Technology on Islamic Behaviour. *Journal of Multidisciplinary Engineering Science and Technology*, 1(5), 135–141.
- Ibn Manzur (t.t.), *Lisan al-‘Arab*, Kaherah: dar alMa‘arif.
- Ismail, M. S. (1991). *Pengantar Ilmu Hadis*. Bandung: Angkasa.
- Istiana and Sri Wahyuningsih (2019). The Hadith Digitization In Millennial Era: A Study At Center For Hadith Studies Indonesia. *Indonesia: Qudus International Journal of Islamic Studies* 7(1) 25-44.
- Kaplan, Andreas M.; Michael Haenlein (2010) “Users of the world, unite! The challenges and Opportunities of Social Media”. *Business Horizons* 53(1): 59–68
- Khadher Ahmad, (2019), *Digitalisasi Hadith di Malaysia Analisis Terhadap Keperluan Kriteria Pembangunan Website Dan Software Hadith*, Ph.D. (Al-Hadith), Jabatan al-Quran dan al-Hadith, APIUM, Malaysia.
- Mohd Ismail, Y (2011). Laman Web Hadis Dalam Bahasa Melayu: Satu Kajian Diskriptif. In. *Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadis.
- Mohd Noor, Mohd Syukri & Anas, Norazmi & Zulkipli, Shahril & Abdul Halim, Amran & Azmi, Ahmad Sanusi & Syed Hassan, Syed Najihuddin. (2018). *Pendigitalan Hadis Dalam Kerangka Revolusi Industri 4.0*.

- Rusdiana, A. (2015). Integrasi pendidikan Agama Islam dengan Sains dan Teknologi. *Jurnal Istek*, 8(2): 123-143.
- Sha‘ban, A. A. (2008). *Qawa‘id al-Muhaddithin*, Misr: dar al-Salam.
- Shah, f. A. (2014). pendekatan Kontekstual dalam Memahami Hadis-Hadis rasulullah SAW. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 4, 101-120.
- Shahril Nizam Bin Zulkipli, Zuriani Yaacob, Norazmi Bin Anas, Mohd Syukri Bin Mohd Noor, Mohd Zahirwan Halim Bin Zainal Abidin, Wan Kamal Nadzif Bin Wan Jamil, Asmadi Bin Yakob. (2017). Takhrij al-Hadith Via Websites: A Study of al-Durar al-Saniyyah, Mawqi’ al-Islam and Islamweb. *International Journal of Sciences and Research: Universiti Teknologi Mara*. 73(4) 83-100.
- Shahril Nizam Zulkipli (2012), Pemeliharaan Hadith di Era ICT: Kajian Terhadap al-Durar al-Saniyyah dan Islamweb. Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin: Universiti Malaya.
- Syed Najihuddin Syed Hassan, Mohd Zohdi Mohd Amin, Syed Najmuddin Syed Hassan. (2014). Kajian Penerimaan Pensyarah Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Hadith Berbantuan Laman Web Al-Durar Al-Saniyyah. *Journal of Human Capital Development*. Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah: Universiti Sains Islam Malaysia. 7(1): 65- 81.
- Syed Najihuddin Syed Hassan, Nidzamuddin Zakaria, Dr Ma Yu Long, Dr Kabiru Goje, Walid Mohd Said (2016) Pembangunan Aplikasi Teknologi Dalam Memantapkan Pengajaran Dan Pembelajaran Hadis Pada Zaman Globalisasi. Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah: Universiti Sains Islam Malaysia
- Yahya, M. A. (2016). Sumbangan Ahl Al-Hadis dan peranannya dalam Membangun Ketamadunan Islam. *Journal of Hadis Studies*, 1(1), 1-6.
- Zarif, M. M. M. (2011). Hadis-Hadis Palsu Dalam Mustadrak al-Hakim. Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.